

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 FEBRUARI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga Selasa	Berita Harian
2	Kes keselamatan siber meningkat 12 peratus	Utusan Malaysia
3	Akta bersifat pencegahan perlu diwujudkan - Amirudin	Utusan Malaysia
4	Agensi berkaitan keselamatan siber perlu diletakkan di bawah satu kementerian – Ahmad Shabery	Bernamea.com

Angin kencang, laut bergelora dijangka sehingga Selasa

Kuala Lumpur: Angin kencang Timur Laut dan bergelora kategori pertama di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor, Sarawak, Kudat, Sandakan, pantai barat dan pedalaman Sabah dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Keadaan sama dijangka melanda Samui, Tioman, Bunguran, Reef North, Kuching, Labuan dan Sulu.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter akan berlaku dalam tempoh itu.

"Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Pala-

wan juga dijangka berterusan sehingga Selasa ini," kata kenyataan itu di sini, semalam.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

BERNAMA

Penyebaran berita palsu membimbangkan

Kes keselamatan siber meningkat 12 peratus

LAPORAN
KHAS



■ KUALA LUMPUR 1 FEB.

PENYEBARAN mesej dan berita palsu di media sosial seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara jika ia tidak dikawal.

Malah, perkara tersebut semakin membimbangkan apabila bilangan kes melibatkan keselamatan siber di negara ini meningkat setiap tahun.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab, jumlah keseluruhan insiden keselamatan siber yang dirujuk kepada pihaknya pada tahun 2014 telah meningkat sebanyak 12 peratus kepada 11,918 kes berbanding 10,636 kes pada tahun 2013.

Beliau berkata, peningkatan insiden keselamatan siber tersebut melibatkan kes seperti penipuan dan penggodaman Internet termasuk juga penyebaran mesej dan berita palsu yang semakin berleluasa di negara ini.

"Jika tidak terkawal, ia boleh mengancam keselamatan negara. Dengan kadar penembusan telefon mudah alih pada tahap yang tinggi, iaitu 145 peratus, tindakan awal perlu diambil agar perbuatan menyebarkan berita dan maklumat palsu tidak menjadi satu budaya yang tidak sihat dalam masyarakat kita.

"Malah, ia juga akan mengakibatkan ketegangan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Dalam keadaan yang runcing, ia akan mengeruhkan lagi kesulitan yang melanda masyarakat seperti insiden banjir baru-baru ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menggunakan kepesatan teknologi maklumat bagi mencapai agenda politik, perkau-

MUKADIMAH

PENYEBARAN berita dan mesej palsu di aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini terutama ketika berlakunya peristiwa atau kejadian besar dan menggemparkan negara.

Kejadian bah kuning yang berlaku di Kelantan baru-baru ini serta kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MH370) merupakan antara contoh peristiwa yang mana banyak berita dan maklumat palsu serta mengelirukan telah disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kepesatan teknologi maklumat yang semakin canggih telah memudahkan orang ramai menyampai serta berkongsi sesuatu berita dan maklumat dengan lebih pantas tanpa menyemak atau menyiasat kesahihan maklumat tersebut.

Wartawan *Utusan Malaysia* **FITRI AFFENDI MUSTAFA** dan **LILIS SURIANI OMAR** mengupas mengenai perkara ini serta apakah langkah yang perlu dilaksanakan kerajaan bagi mengelakkan masalah ini daripada terus berleluasa.



AMIRUDIN ABDUL WAHAB

man, dan keagamaan yang ekstrem.

Beliau berkata, penyebaran berita palsu yang tidak terkawal itu juga secara tidak langsung mendorong kepada hasutan, tuduhan palsu, persepsi negatif, salah atau syak wasangka terhadap sesuatu pihak.

Oleh itu, katanya, agensi penguatkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pihak terbabit mengikut peruntukan undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang lain yang sesuai," katanya.

Beliau menambah, pihaknya juga bersedia membantu dari segi teknikal iaitu mengesan laman dan alamat protokol Internet (IP) berita palsu tersebut dan berhubung dengan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) bagi tindakan selanjutnya diambil pihak bertanggungjawab.

"Pemantauan secara berterusan dan penguatkuasaan yang lebih ketat adalah perlu bagi mengingatkan masyarakat tentang bahayanya penyalahgunaan penyebaran maklumat terutamanya maklumat palsu.

"Bagaimanapun, keupayaan negara dalam aspek teknikal, kepakaran dan proses perundangan perlu diperkasakan untuk menangani isu ini kerana pada ketika ini, isu pembuktian terhadap sesuatu kesalahan kes adalah sangat mencabar," jelasnya.

Akta bersifat pencegahan perlu diwujudkan – Amirudin

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Sudah sampai masanya satu akta bersifat pencegahan atau penambahbaikan akta-akta sedia ada dengan memasukkan komponen keselamatan siber serta mengembangkan lagi skopnya perlu dilaksanakan bagi memantau penyebaran sebarang berita palsu di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, perkara itu termasuk membentuk peruntukan undang-undang untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba mengungkit isu atau mempersoalkan Perlembagaan negara.

Beliau berkata, langkah itu perlu dilaksanakan kerana kebanyakan pendekatan keselamatan yang diambil kerajaan adalah bersifat responsif iaitu bertindak setelah ancaman berlaku.

“Dengan adanya akta yang bersifat pencegahan ini, isu-isu yang sensitif dan bakal mencetuskan kekecohan dalam kalangan masyarakat boleh ditangani dengan



Dengan adanya akta yang bersifat pencegahan ini, isu-isu yang sensitif dan bakal mencetuskan kekecohan dalam kalangan masyarakat boleh ditangani dengan lebih awal sebelum ia mengancam kesejahteraan awam dan keselamatan negara.”

AMIRUDIN ABDUL WAHAB
Ketua Pegawai Eksekutif,
CyberSecurity Malaysia

lebih awal sebelum ia mengancam kesejahteraan awam dan keselamatan negara.

“Ini kerana berita bergerak pan-

tas dan mudah menjadi viral. Jadi, ia begitu cepat mempengaruhi masyarakat sedangkan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang memakan masa dan ia lebih bersifat responsif,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Amirudin menambah, kerajaan juga harus mencontohi tindakan yang diambil oleh Singapura atau negara maju lain yang telah mewujudkan akta pencegahan berbanding akta-akta sedia ada di Malaysia seperti Akta Komunikasi dan Multimedia dan Akta Jenayah Komputer yang bersifat responsif.

“Jika negara mempunyai akta pencegahan seperti itu, pelbagai isu sensitif tidak akan mudah diviralkan dan pihak yang berkenaan akan dipertanggungjawabkan ke atas segala berita dan maklumat palsu yang diterbitkan dan disebar.

“Langkah pencegahan ini perlu diambil untuk mengelak situasi ini dari terus berlaku bagi mengelakkan rakyat perlu membayar harga yang mahal jika aspek keselamatan negara di kompromi,” jelasnya.



Agensi Berkaitan Keselamatan Siber Perlu Diletakkan Di Bawah Satu Kementerian - Ahmad Shabery



KEMAMAN, 2 Feb (Bernama) -- Agensi berkaitan keselamatan siber perlu diletakkan di bawah satu kementerian bagi memudahkan pelarasan tugas secara menyeluruh dalam menangani ancaman jenayah siber, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata langkah proaktif dan koordinasi yang tepat dan menyeluruh perlu diambil bagi memastikan ancaman siber dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

Menurutnya, isu menangani ancaman siber dan soal keselamatan siber kini dikendalikan di bawah dua kementerian berlainan iaitu [CyberSecurity Malaysia \(CSM\) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Aspek keselamatan dan jenayah siber sekarang ini tak boleh dilihat hanya satu cabang dalam sesuatu kementerian sahaja malah ia harus dilihat secara menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas menziarahi keluarga arwah atlet pecut paralimpik negara, Mohammad Azlan Mat Lazi, di sini Isnin.

Beliau berkata cabaran berkaitan soal keselamatan dan jenayah siber bukan hanya berlaku di Malaysia malah kebanyakan negara di dunia turut mengalami cabaran berkenaan.

Allahyarham Mohammad Azlan, yang merupakan pemenang tiga pingat emas pada Sukan Para Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan dan penerima Anugerah Maulidur Rasul tahun ini, meninggal dunia selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya di Serdang Raya, Kuala Lumpur, pada 24 Jan lepas.

Ahmad Shabery, yang juga Anggota Parlimen Kemaman, turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada ayah Allahyarham, Mat Lazin Ali, 52.

Beliau berkata pemergian atlet pecut paralimpik itu dianggap sebagai kehilangan permata yang berharga bagi daerah Kemaman dan negeri Terengganu khususnya.

"Saya akan cuba membantu keluarga arwah untuk menguruskan hajat Allahyarham untuk membawa ibu dan bapanya menunaikan haji.

"Selain itu, saya akan berbincang dengan Pejabat Daerah dan pihak berkuasa berkaitan mencari tanah kerajaan untuk membina sebuah rumah yang mana ianya merupakan hajat Allahyarham...Insya-Allah kita akan uruskan hal ini," katanya.

-- BERNAMA